

'Mahathir pemimpin Islam berwawasan'

Oleh Mohd Fuad Razali dan Wan Hazmir Bakar

BH 28 JUN 2000

KUALA LUMPUR, Selasa - Wakil kumpulan negara Islam yang menghadiri Persidangan Menteri Luar Negara-Negara Islam (ICFM) ke-27 di sini, memuji Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin dan negarawan Islam yang berwawasan dan berani.

Mereka berharap sumbangan Perdana Menteri kepada kemajuan Islam dan usahanya menjadikan Malaysia sebagai negara maju hingga menjadi kebanggaan dunia Islam, dicontohi negara Islam lain.

Menteri Luar Pakistan, Abdul Sattar, yang mewakili kumpulan Asia dalam Persidangan Pertubuhan



كوالا لڤمبور
2000

Islam (OIC), berkata di bawah kepemimpinan Dr Mahathir, Malaysia berjaya menggubal strategi sendiri untuk melalui cabaran yang dihadapi ekonomi negara ini.

Beliau berkata, hasilnya Malaysia berupaya bangkit sebagai negara Islam yang

Dr Mahathir juga disanjung sebagai negarawan oleh wakil kumpulan Afrika, Arab dan Asia dalam OIC.

dinamik, progresif dan moden.

"Kita berkongsi kebanggaan rakyat Malaysia dengan pencapaian mereka kerana mewujudkan contoh yang boleh diikuti negara Islam lain. Ia mengingatkan bahawa kita juga berupaya membangunkan

dasar-dasar yang sewajarnya bagi membantu diri kita sendiri," katanya dalam ucapan balas kepada ucapama yang disampaikan Dr Mahathir pada perasmian Persidangan Menteri-Menteri Luar OIC (ICFM), hari ini.

Abdul Sattar turut memuji langkah Perdana Menteri memberi penekanan terhadap kepentingan umat Islam memiliki pengetahuan sains dan teknologi moden.

Katanya, penguasaan umat Islam dalam pengetahuan sains dan teknologi penting untuk mempertahankan negara Islam, bukan saja dari segi politik dan ekonomi, malah serangan multinasional yang

tidak beretika dan bersifat mengeksploitasi.

Menteri Luar, Senegal Cheikh Tidiane Gadio, yang mewakili kumpulan Afrika turut memuji Malaysia kerana kejayaannya meneruskan usaha untuk membasmi kemiskinan dan menggunakan semua faktor ekonomi untuk memajukan negara.

Katanya, di bawah kepemimpinan Dr Mahathir, Malaysia memberi banyak sumbangan kepada OIC.

Wakil kumpulan Arab, Mustag Abdullah Al-Salih dari Oman pula berkata, kejayaan Malaysia di bawah kepemimpinan Dr Mahathir patut dicontohi negara Islam lain.